



Anwar menjawab pertanyaan media sebelum mengakhiri lawatan rasmi ke Turkiye, kelmarin. Turut sama Johari (dua dari kanan); Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir (dua dari kiri); Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Datuk Amran Mohamed Zin (kiri) dan Duta Besar Malaysia ke Turkiye, Sazali Mustafa Kamal.

(Foto BERNAMA)

Lawatan ke Turkiye nilai semula, kukuh pelaksanaan FTA

Langkah selari perubahan landskap ekonomi global, lindungi pasaran tempatan

Daripada Farah Nabilah Wazer
bhnews@bh.com.my
di Istanbul, Turkiye



Lawatan kerja delegasi negara ke Turkiye sebahagian daripada usaha strategik Malaysia untuk menilai semula dan memperkukuh pelaksanaan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang dimeterai.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Datuk Seri Johari Abdul Ghani yang turut menyertai rombongan itu berkata, ini selari perubahan landskap ekonomi global yang semakin cenderung kepada perlindungan pasaran tempatan.

Malaysia setakat ini sudah menandatangani 17 FTA, merangkumi sembilan perjanjian pelbagai hala dan serantau serta lapan perjanjian dua hala, termasuk dengan Turkiye.

Beliau berkata, pendekatan negara di seluruh dunia kini semakin bersifat menjaga kepentingan negara sendiri (*inward looking*) dengan dasar perlindungan menjadi kata kunci utama.

Justeru, katanya, Malaysia tidak boleh sekadar bergantung kepada perjanjian sedia ada tanpa memaksimum manfaatnya.

"Kita perlu melawat negara yang sudah menandatangani FTA dengan Malaysia untuk menilai apa manfaat yang mereka peroleh daripada kita dan sebaliknya.

"Tujuan saya untuk memperhebat kerjasama ini kerana semua negara kini lebih mementingkan kepentingan domestik," katanya di Istanbul sempena lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Turkiye, kelmarin.

Kenal pasti pelaburan

Johari berkata, lawatan ke Turkiye ialah langkah awal untuk menilai keberkesanan FTA yang dimeterai, termasuk mengenal pasti sebab pelaburan dan perdagangan dua hala masih belum mencapai potensi sebenar.

"Kita sudah menandatangani FTA, tetapi mengapa kita belum melihat aliran pelaburan atau perdagangan yang seimbang? Mengapa perdagangan kita lebih banyak mengalir ke mereka, tetapi tidak sebaliknya?"

"Mungkin terdapat kekangan dari segi kapasiti atau keupayaan dan di situlah terletakanya peluang," katanya.

Johari berkata, setiap usaha memperkukuh FTA perlu disertai dengan pembabitan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), memandangkan sektor itu tunjang kekuatan ekonomi negara.

"Kita memang memerlukan syarikat besar dalam industri

tertentu seperti teknologi baharu dan kecerdasan buatan (AI).

"Namun, kekuatan sebenar kita ialah bagaimana membangunkan PKS dan membolehkan mereka menembusi pasaran negara-negara FTA," katanya.

Sementara itu, *BERNAMA* melaporkan lawatan Anwar ke Turkiye membuka ruang baharu untuk memperkukuh hubungan ekonomi, perdagangan dan pelaburan di antara Malaysia dan republik itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) Abu Bakar Yusof, berkata perkara berkenaan dapat dilihat menerusi sesi mesyuarat meja bulat bersama Perdana Menteri bersama 46 penggiat industri Turkiye dan Malaysia membuahkan hasil positif apabila masing-masing menunjukkan minat mendalam untuk memperluas pasaran mereka, demi manfaat bersama.

"Ini satu sesi yang membolehkan syarikat Turkiye bertanya secara langsung kepada Perdana Menteri dan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri berhubung keperluan untuk mempertingkatkan hubungan perniagaan dengan Malaysia," katanya.

Mesyuarat yang berlangsung kelmarin turut dihadiri Johari dan dianjurkan oleh MATRADE serta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Antara wakil syarikat hadir ialah Defence Technologies Engineering and Trade Inc (STM), Turkish Aerospace Industries Inc (TAI) dan ASELSAN serta tujuh syarikat Malaysia.